

04 SEP 2002

DHL-PERTUMBUHAN/I

DHL UNJUR PERTUMBUHAN BERGANDA BAGI PASARAN ASIA PASIFIK UNTUK 2002

CYBERJAYA, 4 Sept (Bernama) -- DHL Worldwide Express, perintis industri penghantaran cepat udara antarabangsa, mengunjurkan pertumbuhan angka berganda bagi pasaran Asia Pasifik pada 2002.

Pengarahnya bagi Asia Tenggara, Bryan Jamison, berkata syarikat berada pada kedudukan yang boleh mencapai pertumbuhan berkenaan, sejajar dengan perkembangan konsisten dalam persekitaran perniagaan dalam tahun semasa berbanding dengan separuh kedua sebelumnya.

Beliau berkata persekitaran yang lebih baik menyumbang kepada peningkatan beransur-ansur dalam eksport serta perdagangan, dan sebagai penyedia dalam industri perkhidmatan itu, DHL mendapat faedah daripadanya.

"Pada separuh pertama tahun ini, kami mencatatkan permulaan yang baik tetapi pertumbuhan dalam beberapa pasaran tidak begitu baik seperti semasa separuh pertama tahun lepas, yang lebih kukuh," katanya.

Jamison berkata demikian kepada pemberita yang mengadakan lawatan ke fasiliti baru Perkhidmatan Maklumat Asia Pasifik (APIS) DHL di sini, yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat ini.

Beliau berkata Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang lebih baik dan pertumbuhan eksport yang dilaporkan di rantau Asia terutamanya di Malaysia, merupakan petanda yang baik bagi syarikat.

Jamison berkata kemasukan China ke dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) menyediakan peluang yang luas bagi DHL untuk berkembang.

"Ia (China) merupakan pasaran yang berkembang pantas," katanya.

Jamison berkata dengan jualan lebih RM22.9 bilion pada 2001, DHL merupakan peneraju global dalam industri ekspres udara, menguasai bahagian pasaran sebanyak 37.5 peratus.

Beliau berkata pasaran Eropah merupakan penyumbang utama kepada keuntungan syarikat manakala pasaran Asia Pasifik juga kukuh.

Di Malaysia, DHL merupakan perintis kepada perkhidmatan ekspres antarabangsa pada 1970an dan terus menjadi peneraju pasaran, katanya.

Sejak penubuhannya, DHL Malaysia telah banyak melabur bagi meningkatkan kemudahan dan perkhidmatannya di Malaysia.

Ia kini mengendalikan lima pintu masuk antarabangsa dan perkhidmatan rangkaian darat seluruh negara melalui 28 pusat khidmat dan 700 kakitangan.

Lima pintu masuk itu ialah di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Baharu, Kota Kinabalu, Sabah dan Kuching, Sarawak. -- BERNAMA

SM FR NHD